



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 27 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KAMALLUDIN (kiri) menunjukkan produk kacang yang menggunakan logo halal tidak sah oleh sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Tupai, Taiping kelmarin.

Kilang tipu logo halal

- **Kilang kacang diserbu, produk disita**
- **Pemilik gagal pamer sijil pengesahan**

Oleh **LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR**

TAIPING – Tindakan sebuah kilang menggunakan logo halal tidak sah untuk beroperasi mengeluarkan makanan jenis kacang mengundang padah apabila diserbu pihak berkuasa di Kawasan Perindustrian Tupai di sini kelmarin.

Operasi pada pukul 11.45 pagi itu sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Ne-

geri dan Kos Sara Hidup Perak itu dilakukan selepas menerima laporan serta risikan yang dilakukan.

Pengarahnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, kilang berkenaan didapati membungkus aneka jenis produk kacang dan makanan ringan menggunakan logo halal tidak sah.

"Pemeriksaan mendapati kilang ini beroperasi mengeluarkan produk jenis kacang tanah dan makanan ringan. Produk makanan ini juga dipercayai adalah untuk edaran jualan di seluruh Semenanjung Malaysia terutama di Perak.

"Pemeriksaan lanjut ke atas produk akhir mendapati terdapat logo halal pada bungkusan produk kacang tersebut selain pemilik perniagaan telah gagal

mengemukakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah," katanya.

Menurut Kamalludin, satu tindakan kes telah diambil di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana disyaki menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa Jabatan Agama Islam Malaysia.

Tambahnya, sebanyak 22,700 unit kacang pelbagai cap dan berat yang tertera logo halal tidak sah bernilai RM31,720 digunakan untuk tujuan perdagangan dan dokumen berkaitan telah disita.

"Kes disiasat di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 bagi kesalahan menggunakan logo halal tanpa pengesahan pihak berwajib," katanya.

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor telah mengeluarkan kompaun sebanyak RM676,250 kepada peniaga yang didapati melakukan pelbagai kesalahan setakat 24 November lalu.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, ia membabitkan 1,671 kes yang direkodkan sejak awal tahun ini di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan 442 kes di bawah Akta Timbang dan Sukat (ATS) 1972.

"Mengikut pecahan, kompaun bagi AKHAP adalah sebanyak RM561,050 dan RM115,200 untuk kes ATS," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Pasar Patuh (3P) Peringkat Negeri di Pasar Awam Taman Perling, di sini, semalam.

Beliau berkata, tindakan yang dikenakan melibatkan

KPDN kenakan kompaun RM676,250 kepada peniaga



LILIS Saslinda (dua dari kiri) merasmikan Program Pasar Patuh (3P) Peringkat Negeri di Pasar Awam Taman Perling, semalam.

kan kesalahan tidak memamerkan tanda harga dan tidak menggunakan alat timbang sukat yang telah ditentukan untuk tujuan perniagaan.

Lilis Saslinda berkata,

data itu menunjukkan komitmen berterusan pihaknya dalam memantau dan memastikan kepatuhan peniaga di seluruh negeri.

Justeru, beliau menasihati peniaga agar sentiasa

mematuhi undang-undang yang bukan sahaja suatu kewajipan, tetapi juga pelaburan jangka panjang dalam membina kepercayaan pengguna terhadap mereka.

Ketika ditanya mengenai langkah untuk memastikan bekalan makanan di Johor mencukupi sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL), Lilis Saslinda berkata, libat urus bersama pelbagai pihak termasuk pembekal sentiasa dilakukan bagi tujuan tersebut.

Beliau berkata, baru-baru ini, kementerian juga telah mengarahkan pembekal supaya menyimpan sebanyak 30 peratus bekalan makanan sebagai persediaan menghadapi MTL.

Wadah Pembaharuan

BH
BeritaHarian

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

Kenaikan harga sayur

Sayuran	Harga sebelum	Harga semasa
Tomato	RM1.80	RM3
Cili	RM1.50	RM5
Kubis	60 sen-70 sen	90 sen-RM1
Pak Choy	RM1	RM2
Sawi	70 sen	RM2.50

(Foto BERNAMA)

PATUH

ITEM *Kabis China*

HARGA (RM) *3.50 kg*

Bekalan susut akibat tengkujuh, harga sayur dan ikan naik sehingga 50-100 peratus

Nasional 4

Sayur, ikan naik harga sehingga 100 peratus

Kekurangan bekalan akibat musim tengkujuh dijangka sebabkan lonjakan harga tiga kali ganda

Oleh Suzalina Halid
dan Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seseengah jenis sayur dan ikan 'popular' yang mengalami kekurangan bekalan akibat musim tengkujuh mengalami kenaikan harga antara 50 peratus hingga 100 peratus sejak seminggu ini.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, berkata kenaikan itu membabitkan sayuran berdaun antaranya sawi, siew pak choy, kubis, cili dan tomato.

Beliau berkata, bagi tomato harga sebelum ini ialah RM1.80 sekilogram dan meningkat kepada RM3 sekilogram, manakala bagi cili pula harga semasa ialah sekitar RM5 berbanding RM1.50 sekilogram sebelum ini.

Kubis pula kini berharga 90 sen hingga RM1 sekilogram berbanding 60 sen; sementara sawi 70 sen sekilogram sebelum ini kepada RM2.50 sekilogram manakala siew pak choy daripada RM1 sebelum ini kepada RM2 sekilogram.

Katanya, jika cuaca buruk berterusan, harga sayur-sayuran dijangka melonjak hingga tiga kali ganda susulan kadar penghasilannya yang merosot kira-kira 30 hingga 40 peratus berbanding musim biasa.

"Bermula minggu ini, ada peningkatan dari segi harga dan kita menjangkakan dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi, kenaikan boleh melonjak sehingga tiga kali ganda."

"Contohnya cili dalam tempoh dua minggu lagi, kita jangka harga boleh meningkat lagi manakala bagi sayur berdaun seperti sawi pula berisiko naik berkali ganda," katanya kepada BH, semalam.

Malaysia kini mengalami musim tengkujuh dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sehingga semalam, mengeluarkan amaran hujan berterusan peringkat bahaya yang berterusan sehingga semalam menyebabkan banjir di beberapa kawasan di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Selangor dan Kuala Lumpur.

Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat pula menjangkakan beberapa lagi episod hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir di beberapa negeri, khususnya mengesan antara sayur berdaun yang mengalami kenaikan harga itu adalah sawi, bayam, kangkung dan cili.

Beliau berkata, kenaikan harga sayur berdaun itu dijangka berterusan sehingga berakhirnya musim tengkujuh pada Januari ini.

“Bermula minggu ini, ada peningkatan dari segi harga dan kita menjangkakan dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi, kenaikan boleh melonjak sehingga tiga kali ganda”

Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid,
Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu
Cameron Highlands



Lilis Saslinda ketika meninjau Pasar Awam Taman Perling, Johor Bahru, semalam.

(Foto Mary Victoria Dass/BH)

geri, khususnya Pantai Timur sehingga Januari ini.

Syed Abd Rahman berkata sebelum ini, ladang sayur di Cameron Highlands menghasilkan 1,000 tan pelbagai jenis sayur setiap hari tetapi dijangka berkurangan kepada antara 600 hingga 700 tan menjelang hujung bulan ini akibat faktor cuaca.

Kualiti menurun

Beliau berkata, keadaan cuaca buruk juga menyebabkan kualiti sayur menurun akibat diserang penyakit kulat kerana keadaan lembap.

Timbalan Pengerusi Persatuan Sayur dan Bunga Bumiputera Tanah Tinggi Lofing, Yusof Abdul Rahman pula berkata, pihaknya mengesan antara sayur berdaun yang mengalami kenaikan harga itu adalah sawi, bayam, kangkung dan cili.

Beliau berkata, kenaikan harga sayur berdaun itu dijangka berterusan sehingga berakhirnya musim tengkujuh pada Januari ini.

"Sayur jenis berdaun memang ada kenaikan harga ketara minimum 20 peratus berbanding harga asal disebabkan musim hujan. "Namun harga sayur jenis buah seperti terung masih stabil kerana bekalan disokong dengan import," katanya.

Beliau berkata musim hujan juga menyebabkan kualiti sayur berkurangan kerana racun serangga tidak berfungsi dalam keadaan basah.

"Kita ada dua kategori tanaman sayur iaitu di kawasan tinggi dan rendah, penghasilan masih boleh terjejas walaupun tidak banjir disebabkan penyakit dan semburan racun perosak yang tidak melekat pada daun kerana hujan," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan pekebun kini menyokong penghasilan sayur-sayuran berdaun melalui penanaman di rumah hijau dan kaedah fertigasi bagi menstabilkan bekalan dalam keadaan cuaca tidak menentu.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD), Azmi Bahri, pula berkata bekalan ikan tertentu yang popular meningkat pada kadar antara RM3 hingga RM5 sekilogram.

Beliau berkata, ia berikutan nelayan di Kedah tidak menjalankan aktiviti tangkapan ikan, menyebabkan bekalan sedikit terjejas.

Namun, bagi menstabilkan bekalan di pasaran, NEKAD menyediakan stok simpanan ikan beku kepada pengguna.

Azmi berkata, sehingga kini NEKAD mempunyai stok ikan beku melebihi 10 tan membabitkan kembung, cencaru, tongkol, selayang, ketam dan sotong.

"Susulan keadaan cuaca tidak menentu dan ikan yang berkurangan di laut terutama ikan kembung, ia agak terjejas di pasaran."

"Ikan temnung (kembung) tangsi mengalami kenaikan agak ketara kerana permintaan tinggi, dengan harga pasaran antara RM10 hingga RM15 setiap kilogram," katanya.

Jejas pendapatan nelayan

Di Johor Bahru, nelayan di sekitar bandar raya ini terpaksa menghadkan aktiviti penangkapan ikan, terutama pada waktu malam berikutan keadaan cuaca tidak menentu.

Pengerusi Nelayan Wilayah Johor Selatan, Azli Mohd Aziz berkata, sekiranya situasi berkenaan berpanjangan, ia secara tidak langsung menjejaskan pendapatan nelayan mahupun bekalan ikan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Johor, Lilis Saslinda Pornomo, berkata pihaknya memberi kebenaran kepada pemborong, pembekal dan pengilang untuk menambah stok barang kawalan sehingga 30 peratus.

Menurutnya, ia bagi menghadapi kemungkinan gangguan bekalan sepanjang musim tengkujuh.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harga sayur naik sehingga 30 peratus

SHAH ALAM - Musim tengkujuh yang melanda beberapa negeri terutama di Pantai Timur dan Utara sejak Ahad lalu menyaksikan harga sayur mengalami kenaikan sehingga dua kali ganda ekoran kekurangan bekalan akibat banjir.

Tinjauan Kosmo! menyaksikan beberapa jenis sayur-sayuran termasuk cili padi naik antara RM2 hingga RM6. Antara sayur yang naik adalah kubis daripada RM6 kepada RM8 sekilo, cili padi RM14 sekilo kepada RM20 sekilo.

Seorang peniaga sayur, Azmi Ali, 38, berkata, setiap kali musim tengkujuh, harga sayur-sayuran sering berubah akibat kekurangan bekalan dari ladang dan keadaan ini akan kembali normal dua bulan lagi.

"Walaupun bukan semuanya disebabkan banjir, memang tak dapat dinafikan kerosakan ladang akibat bah membuatkan banyak harga sayur naik mendadak.

"Sebelum ini cili padi sekitar RM14, tapi bila banjir naik sampai RM20 satu kilogram (kg). Daun ketumbar pula dari-

pada RM15 terus melambung ke RM38 sekilo," katanya ketika ditemui di Pasar Moden Seksyen 6, di sini, semalam.

Peniaga lain, Muhammad Zulfadhli Muhammad Ismail, 42, berkata, kalangan peniaga perlu bertahan dengan kenaikan harga terutama sayur jenis daun daripada pembekal.

"Sayur seperti kangkung, bayam dan sawi naik sehingga 30 peratus berbanding harga sayur lain, memang jauh beza," katanya.

Seorang peniaga yang ingin dikenali Naib, 67, berkata, harga sayur yang dibeli peniaga dari pasar borong dan kampung berbeza.

"Saya sendiri mendapatkan bekalan dari kampung. Walaupun kawasan itu turut terjejas banjir, keadaannya masih tidak seteruk dialami pembekal atau peniaga yang bergantung kawasan dilanda banjir teruk.

"Kebanyakan sayur yang naik harga ini, peniaga dapat bekalan dari Thailand. Jadi bila laluan penghantaran terjejas, harga memang tak dapat dikawal," katanya.



GOLONGAN peniaga mengakui harga sayur-sayuran mengalami kenaikan ekoran kekurangan bekalan akibat banjir di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam semalam.

Harga makanan masih kekal: PRESMA

Kuala Lumpur: Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) menjelaskan bahawa harga makanan dalam kalangan ahli mereka masih kekal buat masa ini meskipun berdepan dengan kos bahan mentah yang meningkat.

Presidennya, Datuk Mohammed Mosin Abdul Razak berkata, sejumlah 3,500 ahli PRESMA kini mengurangkan margin keuntungan masing-masing bagi memastikan harga makanan tidak membebankan pengguna.

"Buat masa ini kami masih boleh bertahan. Walaupun harga barang naik hampir setiap minggu, kami tidak boleh menaikkan harga sesuka hati. Jadi ahli-ahli kami kurangkan keuntungan dulu.

"Kalau kenaikan kos berterusan dan kami tak mampu tampung lagi, mungkin akan ada sedikit kenaikan. Tidak banyak tetapi tetap akan ada," katanya selepas pelancaran Nasi Kandaq Fest 3.0, di sini, semalam.

Tambahnya, harga di res-

toran mamak juga tidak dapat diseragamkan kerana ia bergantung kepada kadar sewa bangunan dan lokasi, namun secara umum harga masih lebih rendah berbanding sesetengah restoran lain.

Mengulas isu kebersihan restoran mamak dan nasi kandar, PRESMA menegaskan bahawa lebih 90 peratus ahli mereka mematuhi piawaian kebersihan.

Beliau meminta mana-mana laporan berkenaan masalah kebersihan dibuat secara khusus kepada kedai yang didakwa dan bukan menuding secara umum.

"Jangan umumkan dakwaan sekiranya mendapati sesebuah restoran mamak itu tidak bersih. Jika berlaku masalah tidak bersih terus menyebut secara umum itu adalah kedai mamak sedangkan, hanya membabitkan satu kedai secara khusus sahaja.

"Justeru, ia menjadi satu dakwaan yang tidak tepat. Pengguna sewajarnya menyebut secara terus nama restoran berkenaan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Nov	KPDN Johor rekod nilai kompaun RM676,000	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-johor-rekod-nilai-kompaun-rm676,000	RTM
27-Nov	Kilang kacang di Taiping guna logo halal tak sah	https://www.kosmo.com.my/2025/11/26/kilang-kacang-di-taiping-guna-logo-halal-tak-sah	KOSMO
27-Nov	KPDN Johor Kesan 2,113 Kes Kesalahan Peniaga, Nilai Kompaun Lebih Setengah Juta	https://bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2495464	BERNAMA
27-Nov	KPDN Johor kenakan kompaun RM676,250 kepada 2,113 peniaga	https://thesun.my/berita/tempatan/kpdn-johor-kenakan-kompaun-kepada-2113-peniaga/	THE SUN
27-Nov	Lebih RM600,000 kompaun dikeluarkan KPDN Johor sepanjang tahun – Lilis	https://www.tvsarawak.my/2025/11/26/lebih-rm600000-kompaun-dikeluarkan-kpdn-johor-sepanjang-tahun-lilis/	TVS
27-Nov	RM676,250 kompaun dikenakan terhadap peniaga sejak awal tahun hingga kini	https://malaysiagazette.com/2025/11/26/rm676250-kompaun-dikenakan-terhadap-peniaga-sejak-awal-tahun-hingga-kini/	MALAYSIA GAZETTE
27-Nov	Johor traders issued \$210k in compounds for not displaying price tags, unethical practices	https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/johor-traders-issued-210k-in-compounds-for-not-displaying-price-tags-unethical-practices	NEW STRAITS TIME
27-Nov	Guna Logo Halal Tanpa Kebenaran, 22,700 Unit Produk Kacang Disita	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2495447	BERNAMA

27-Nov	KPDN Perak rampas 22,700 produk kacang guna logo halal palsu	https://mgperak.com/kpdn-perak-rampas-22700-produk-kacang-guna-logo-halal-palsu/	MG PERAK
27-Nov	22,700 unit produk kacang disita kerana logo halal tanpa kebenaran	https://thesun.my/berita/tempatan/22700-unit-produk-kacang-disita/	THE SUN
27-Nov	Kilang Kacang Di Perak Didakwa Guna Logo Halal Palsu	https://ohmedia.my/ohnegara/kilang-kacang-di-perak-didakwa-guna-logo-halal-palsu/#google_vignette	OHMEDIA
27-Nov	Musim tengkujuh: Peruncit, pemborong boleh simpan lebihan 30% barangan kawalan	https://www.kosmo.com.my/2025/11/26/musim-tengkujuh-peruncit-pemborong-boleh-simpan-lebihan-30-barangan-kawalan/	KOSMO
27-Nov	KPDN sahkan tiada kes kekurangan isipadu petrol RON95	https://www.nabalunews.com/post/kpdn-sahkan-tiada-kes-kekurangan-isipadu-petrol-ron95	NABALU NEWS
27-Nov	Letak pelekat bergambar kemaluan, lucah pada kenderaan diharamkan dalam Islam	https://utusanv.com/2025/11/26/letak-pelekat-bergambar-kemaluan-lucah-pada-kenderaan-diharamkan-dalam-islam/	UTUSAN
27-Nov	Bekalan keperluan mencukupi di Johor hadapi MTL	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bekalan-keperluan-mencukupi-di-johor-hadapi-mtl	RTM
27-Nov	KPDN Labuan lantik Dua Pegawai Disiplin dan Tata-tertib	https://www.borneodailybulletin.com/kpdn-labuan-lantik-dua-pegawai-disiplin-dan-tatatertib/	BORNEO DAILY

27-Nov	Jerman terbangkan keldai dari Gaza tetapi enggan terima kanak-kanak cedera	https://themerdeketimes.com/news/2025/11/guna-logo-halal-tanpa-kebenaran-22700-unit-produk-kacang-disita/	THE MERDEKA TIMES'
27-Nov	22,700 unit produk kacang disita kerana logo halal tanpa kebenaran	https://rentkl.com.my/22700-unit-produk-kacang-disita-kerana-logo-halal-tanpa-kebenaran/	RENT KL